

**Isu petrol: PAS bertindak segera, kata Abdul Hadi  
Malaysian Insider  
Sept 4 , 2013**

Presiden PAS, Datuk Seri Abdul Hadi Awang (gambar) hari ini berkata, PAS akan membincangkan tindakan yang boleh dilakukan dalam masa terdekat ini dalam usaha mengurangkan beban hidup rakyat akibat daripada kenaikan harga minyak mulai malam kelmarin.

Abdul Hadi dalam kenyataan yang dikeluarkan hari ini, berkata PAS melihat kenaikan harga minyak itu sebagai siri pemberian hadiah kerajaan Barisan Nasional (BN) kepada rakyat kerana mengundi BN.

"Rakyat dinafikan hak demokrasi yang sebenar melalui penipuan dan penyelewengan proses pilihan raya, sehingga hak untuk beramal dan mengamalkan logik dalam demokrasi tertutup.

"Hasil penyelewengan ini maka rakyat ditipu untuk menolak tawaran PR yang jauh lebih berkebjajikan, termasuk menurunkan harga minyak," katanya.

Abdul Hadi mengecam tindakan kerajaan menaikkan harga minyak 20 sen untuk RON95 dan diesel.

Beliau berkata, kenaikan terbaru harga minyak itu pelik kerana hasil penelitian PAS, tidak berlaku trend kenaikan harga minyak mentah sejak dua tahun lalu.

Malah, katanya, kuota pengeluaran Pertubuhan Negera Pengeluar Minyak (OPEC) tidak menunjukkan perubahan.

"OPEC mengekalkan kuota pengeluaran pada 30 juta tong sehari dan trend ini kekal sejak dua tahun lalu," katanya.

Beliau berkata, ditambah pula dengan pengeluaran Shale Oil yang semakin meningkat dari Amerika Syarikat yang kini mengeluarkan tujuh juta tong sehari dari simpanan Shale Oil.

Katanya, kadar pengeluaran ini dilaporkan akan terus meningkat ke 9 juta tong sehari dalam tempoh terdekat.

Abdul Hadi berkata, sebagai pengimpot dan pengguna minyak terbesar dunia, sudah pasti ini akan menstabilkan lagi pasaran minyak dunia lantas harga minyak pasti lebih mapan.

"Berdasarkan fakta ini, tidak logik Malaysia menaikkan harga minyak kerana tidak wujud suasana tekanan pasaran," katanya.

Ahli Parlimen Marang itu berkata, tindakan kerajaan BN adalah untuk menampung pembelanjaan kerajaan yang semakin meruncing akibat pembaziran pada PRU13 dan beban hutang kerajaan yang semakin parah dan ini disahkan oleh tindakan penarafan menurun terkini Fitch Rating terhadap kadar hutang negara.

"Jelaslah kerajaan BN bertindak dengan meletakkan kebajikan dan kepentingan rakyat di tempat yang paling bawah.

"Rakyat seharusnya mengambil pengajaran daripada apa yang berlaku dan melihat jauh apakah nasib negara sekiranya terus berada di bawah pemerintahan korup BN," katanya. – 4 September, 2013.

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/isu-petrol-pas-bertindak-segera-kata-a-bdul-hadi>